

KENYATAAN MEDIA

KUALA LUMPUR (15 APRIL 2020) - Suruhanjaya Hak Asasi Manusia Malaysia (SUHAKAM) mengakui bahawa kepentingan kesihatan awam merupakan prioriti utama pada ketika ini. Berdasarkan trend penularan COVID-19 yang agak sekata dan terkawal buat masa ini, menunjukkan keberkesanan tindakan pihak Kerajaan serta usaha gigih barisan hadapan. SUHAKAM menekankan bahawa mana-mana krisis mempunyai kesan terhadap akses kepada hak asasi manusia, terutamanya golongan rentan dan komuniti yang terpinggir. Pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) sejak 18 Mac yang telah dilanjutkan sebanyak dua kali dan akan berlanjutan sehingga 28 April 2020, memburukkan lagi kesan negatif COVID-19 terhadap komuniti.

Baru-baru ini, SUHAKAM telah mengadakan mesyuarat secara maya bersama 24 agensi, badan bukan kerajaan dan organisasi masyarakat sivil (NGO/CSO) bagi mengenalpasti keperluan serta cabaran yang dihadapi oleh golongan pelarian dan pencari suaka. Hasil dari perbincangan dan syor-syor yang dikemukakan, SUHAKAM berharap dapat membantu memperhalusi pendekatan dalam usaha mengurangkan dan meminimalkan kesan krisis di seluruh negara.

Berdasarkan perbincangan, terdapat keperluan yang tinggi untuk bekalan makanan, sokongan kewangan, dan keselamatan dari segi akses kepada rumah perlindungan, peluang pekerjaan dan tiada risiko ditangkap berdasarkan status mereka. Isu-isu yang dihadapi oleh golongan pelarian dan pencari suaka seperti berikut perlu diberikan perhatian sewajarnya:

- i) Golongan pelarian dan pencari suaka terus berasa ketakutan terhadap risiko akan ditangkap dan ketidakmampuan untuk menanggung bayaran perubatan. Ini mengakibatkan kelewatan untuk mereka tampil menjalani pemeriksaan kesihatan, atau saringan COVID-19 oleh mereka yang mempunyai kaitan dengan kluster Tabligh. Meskipun Kerajaan memberikan jaminan bahawa tiada tangkapan yang akan dibuat semasa krisis pandemik COVID-19, terdapat laporan bahawa tangkapan dan penahanan terhadap pelarian dan pencari suaka masih berlaku, terutamanya terhadap mereka yang masih belum mempunyai dokumen UNHCR. Terdapat juga kebimbangan tentang kemungkinan akan ditangkap pada masa hadapan, setelah krisis ini berakhir.
- ii) Memandangkan ketiadaan hak perundangan untuk bekerja di Malaysia, kebanyakan golongan pelarian terpaksa bekerja dalam sektor tidak formal sebagai mata pencarian, di mana sekiranya ada, perlindungan pekerjaan adalah terhad. Walau apa pun keperluan pelaksanaan PKP, ia meninggalkan kesan kehilangan punca pendapatan kepada mereka yang bekerja dalam sektor tidak formal sebagai punca mata pencarian selama tempoh masa PKP dilaksanakan. Ketiadaan bantuan kewangan kepada golongan ini di bawah pakej rangsangan yang diumumkan oleh Kerajaan, meningkatkan lagi kerentanan golongan ini. Sebagai contoh, terdapat ramai daripada mereka dilaporkan tidak mampu untuk membayar bil utiliti dan sewa, yang meningkatkan risiko akan diusir oleh pemilik rumah.



**KENYATAAN MEDIA
SURUHANJAYA HAK ASASI MANUSIA MALAYSIA (SUHAKAM)**

- iii) Kebanyakan pelarian dan pencari suaka menerima bantuan dan pertolongan dari pelbagai NGO dan CSO dalam tempoh krisis ini. Walau bagaimanapun, syarat-syarat yang dikenakan di bawah PKP seperti keperluan bekerjasama dengan Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) dalam usaha mengagihkan bantuan, telah menghadkan akses dan kemampuan mereka untuk berfungsi secara efektif. Tambahan pula, pelaksanaan sekatan jalanraya yang ketat mengakibatkan kegagalan sebahagian bantuan sampai kepada mereka yang amat terdesak memerlukan bekalan makanan, keperluan harian dan dana.

Sebagai langkah ke hadapan, SUHAKAM mengesyorkan agar:

- i) Mesej tentang usaha Kerajaan disampaikan dengan jelas, serta diterjemah kepada beberapa bahasa dan disebarluaskan.
- ii) Agensi penguatkuasaan dan semua pegawai yang melaksanakan PKP perlu memahami bahawa tiada tangkapan boleh dikenakan atas mereka yang tampil untuk saringan COVID-19, walau apapun status mereka.
- iii) Peruntukan perlu disediakan untuk membantu dan menyediakan keperluan asas bagi golongan pelarian dan pencari suaka. Ini termasuk dana untuk bayaran rumah perlindungan sementara, untuk mereka yang diusir keluar oleh pemilik rumah.
- iv) Proses pendaftaran NGO/CSO di bawah JKM haruslah dipermudahkan, dan bantuan khidmat kemanusiaan perlu dikategorikan sebagai perkhidmatan penting di bawah PKP bagi membolehkan penyelarasan dan pengagihan bantuan yang lebih efektif kepada mereka yang memerlukannya.

Selaras dengan Perkara 23 Konvensyen Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu mengenai Status Pelarian 1951. SUHAKAM berharap agar Kerajaan dapat mengkaji semula polisi sedia ada, agar mengambil kira golongan rentan, terutamanya pelarian dan pencari suaka dalam semua pelan tindakan COVID-19. SUHAKAM menyokong sepenuhnya jaminan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri seperti yang dijelaskan di dalam ucapan beliau pada 27 Mac bahawa tiada sesiapa akan ditinggalkan, dan ini seharusnya turut merangkumi golongan rentan.

-TAMAT-

Suruhanjaya Hak Asasi Manusia Malaysia (SUHAKAM)

15 April 2020

Pertanyaan Media: Sila hubungi Pn. Norashikin Hamzah melalui 03-2612 5687 / 019-621 5336 atau shikin@suhakam.org.my

“Hak Asasi Untuk Semua”

Untuk sebarang pertanyaan sila hubungi Suruhanjaya di 03-2612 5600